

20/10/2003

Barat semakin bimbang Dr M ubah dunia Islam

Kadir Dikoh

"SAYA ingat saya mengkritik negara-negara Islam tapi orang lain pula yang melenting." Itulah antara jawapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika sidang akhbar yang penuh sesak dengan wartawan tempatan dan asing pada akhir Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) lewat petang Jumaat lalu.

Pemimpin Barat dari Amerika, Eropah dan Israel termasuk Australia 'berang' dengan ucapan Perdana Menteri yang disampaikan pada hari perasmian sidang itu Khamis lalu iaitu setelah secara rasmi mengambil alih jawatan Pengerusi OIC dari Qatar yang mereka anggap sebagai anti-Yahudi.

Antara yang paling lantang ialah pemimpin Australia sehingga Menteri Luarnya, Alexander Downer dikatakan enggan menjemput menteri dari Malaysia pada jamuan untuk membincangkan mengenai Islam dan perjuangan menentang keganasan di kediaman kedutaan Australia di Bangkok sempena Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), malam kelmarin.

Sebaliknya, Menteri Luar Indonesia, Hassan Wirayuda hadir bersama menteri luar New Zealand, Kanada, Singapura, Jepun dan Setiausaha Rendah Amerika Syarikat, Alan Larson.

"Kita tidak menjemput sesiapa (dari Malaysia). Malaysia sedang dalam proses peralihan kuasa. Dalam masa dua minggu lagi, Dr Mahathir bersara," kata Downer dipetik oleh agensi berita asing sambil memuji Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Dr Mahathir sebagai "orang yang baik, sederhana dan bersikap wajar."

Dr Mahathir sudah mula menulis ucapannya sejak akhir Julai lalu lagi iaitu lebih dua bulan awal dan seperti biasa, sudah tentu mengolah kandungannya dengan penuh teliti.

Perdana Menteri sudah pasti juga hafal mengenai fakta sejarah tamadun Islam, Eropah dan Yahudi. Ini kerana, ia bukan kali pertama beliau menyebut mengenai betapa orang Yahudi amat berpengaruh sehingga menjadi orang belakang tabir paling berkuasa di Rumah Putih.

Jika diteliti, kandungan ucapan kali ini dengan beberapa ucapannya selama ini, tidak jauh berbeza. Masalahnya, ialah apabila agensi berita asing gagal untuk memahami kandungan ucapan itu sepenuhnya.

Bagaimanapun, satu-satunya pemimpin Barat dari negara maju iaitu Presiden Perancis, Jacques Chirac berjaya menghalang Kesatuan Eropah (EU) mengutuk kenyataan Dr Mahathir bahawa Yahudi memerintah dunia melalui proksi, selepas tamat sidang kemuncak dua hari EU di Brussels, Belgium kelmarin.

"Saya fikir Presiden Chirac memahaminya dengan lebih baik. Sesiapa yang membaca keseluruhan ucapan akan memahami apa yang saya maksudkan. Malah, saya bimbang orang Islam akan menentang saya. Saya tidak terfikir orang Eropah akan menentang saya. Saya tidak memahami mereka," kata Dr Mahathir selepas menghadiri jamuan penghargaan kepada semua petugas sidang kemuncak OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di Putrajaya malam kelmarin.

Kenyataan itu turut dipetik oleh agensi berita asing semalam tetapi akhbar Israel Maariv daily dalam laman webnya menyifatkan Chirac sebagai The Face of French Anti-Semitism berikutan tindakannya itu.

Malah, dua hari sebelum menyampaikan ucapan di hadapan 57 pemimpin negara Islam itu, Dr Mahathir sudah menyatakan bahawa Israel kini memaksa Amerika Syarikat menawan Syria kerana jika tidak, Presiden George W Bush akan kehilangan undi Yahudi pada pilihan raya presiden tahun depan.

"Inilah masalahnya dunia Islam. Jika kita biarkan diri kita lemah, kita

akan dibuli," katanya selepas merasmikan bangunan dan makmal penyelidikan dan pembangunan InventQjaya Cyberjaya pada 11 Oktober lalu.

Malah, ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, 25 September lalu, beliau dengan lantang menegaskan: "Kita perlu mengakui sebahagian besar masalah yang berlaku hari ini adalah kesan daripada tindakan merampas tanah milik Palestin bagi membolehkan negara Israel ditubuhkan demi menangani masalah orang Yahudi Eropah."

Pada Jun lalu pula ketika berucap merasmikan perhimpunan agung Umno, Dr Mahathir dengan panjang lebar mengupas sejarah orang Eropah dan Yahudi.

"Asia Barat tidak pernah aman. Percubaan orang Palestin untuk mendapat balik wilayah mereka ditentang oleh orang Eropah. Sebaliknya, mereka menyokong Israel walaupun Israel merampas tanah Palestin di luar Israel dan membunuh rakyat Palestin.

"Lontaran batu oleh kanak-kanak Palestin dibalas dengan tentera Israel menembak mati kanak-kanak yang membaling batu ini. Namun, orang Eropah tidak mengutuk Israel. Tetapi serangan berani mati oleh rakyat Palestin dikutuk oleh mereka.

"Serangan pada 11 September 2001 ke atas Amerika Syarikat yang menyokong Israel dijadikan alasan bagi orang Anglo-Saxon Eropah kembali ganas dan bengis," katanya.

Peliknya, apabila Dr Mahathir dalam ucapan pada Sidang Kemuncak OIC itu dengan menyatakan bahawa puak Yahudi kini memerintah dunia secara proksi tetapi mereka membiarkan orang lain berjuang dan mati untuk mereka, pemimpin barat melenting.

Ada beberapa kemungkinan menyebabkan ini berlaku. Pertama ialah kemungkinan ucapannya mengenai Yahudi sebelum ini tidak atau kurang disiarkan oleh media Barat. Kedua ialah ucapannya kali ini dibuat di hadapan pemimpin Islam dunia iaitu pentas yang boleh mempengaruhi keadaan dan sudah tentu ratusan wakil media Barat yang membuat liputan itu melaporkannya dengan menonjol isu Yahudi.

Antara lain beliau menyatakan: "Kita sebenarnya masih sangat kuat. Seramai 1.3 bilion umat Islam tidak boleh dihapuskan dengan mudah begitu saja. Orang Eropah sudah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi hari ini puak Yahudi memerintah dunia secara proksi. Mereka membiarkan orang lain berjuang dan mati untuk mereka."

Hakikatnya, dalam ucapan itu Perdana Menteri juga turut mengkritik orang Islam dan tindakan sia-sia pejuang Palestin apabila antara lain menyebut:

"Sudah sampai masanya kita berhenti sejenak dan berfikir. Tetapi adakah ini membuang masa? Lebih separuh abad kita berperang kerana Palestin. Apa yang telah kita capai? Kosong. Kita lebih teruk daripada sebelumnya. Jika kita berhenti seketika untuk berfikir, kita mungkin sudah merangka satu pelan, satu strategi yang boleh membawa kita kepada kemenangan muktamad. Berhenti sejenak untuk berfikir bukanlah membuang masa. Kita perlu membuat pengunduran strategik dan menilai kedudukan kita dengan tenang."

Malah, pada akhir ucapannya, Dr Mahathir berkata: "Seperti yang saya katakan pada awal ucapan tadi, seluruh dunia memerhati kita, seluruh ummah menaruh harapan kepada persidangan pemimpin negara Islam. Mereka mengharapkan kita bukan saja untuk meluahkan kekecewaan dan kemarahan kita menerusi kata-kata dan tindakan, tidak sekadar berdoa kepada Allah memohon restu-Nya.

"Mereka mengharapkan supaya kita berbuat sesuatu, agar kita bertindak. Kita tidak boleh menyatakan yang kita ini, iaitu pemimpin negara Islam, tidak dapat berbuat apa-apa. Kita tidak boleh menyatakan yang kita tidak boleh bersatu walaupun dalam ketika kita berhadapan dengan kemusnahan agama dan umat Islam.

"Kita tahu kita boleh melakukannya. Banyak perkara yang boleh kita

laksanakan. Ada banyak sumber kekayaan untuk kita gunakan. Yang diperlukan cuma kesungguhan untuk bertindak. Sebagai umat Islam, kita mesti bersyukur atas pedoman yang dibawa agama kita, kita harus melakukan apa yang perlu dibuat dengan kerelaan dan keazaman. Allah tidak mengangkat kita sebagai pemimpin, mengatasi yang lain supaya kita menikmati kuasa untuk faedah diri kita sendiri saja. Kuasa yang kita pegang ialah untuk rakyat kita, untuk ummah, untuk Islam. Kita perlu ada kesungguhan untuk menggunakan kuasa ini dengan bijaksana, adil, berhemah dan sepakat. Insya-Allah kita akan berjaya akhirnya," katanya.

Setakat ini belum ada pemimpin Islam yang memberi reaksi kepada ucapan itu dan apabila ditanya pada sidang akhbar di akhir Sidang OIC itu lewat petang Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata:

"Bila menghadiri persidangan Islam, saya rasa hanya membuang masa bagi saya untuk menengking orang lain. Saya lebih suka menilai diri kita sendiri yang menjadi salah satu sebab mengapa saya banyak mengkritik apa yang dilakukan oleh negara Islam.

"Sudah tentu, saya tidak tahu reaksi mereka kerana mereka tidak ada menyatakan apa-apa kecuali sokongan kepada ucapan saya. Jika anda ada mendengar sebaliknya, saya ingin juga tahu sama ada mereka tidak gembira dengan ucapan saya. Tapi saya tidak akan terkejut jika mereka tidak gembira kerana saya mengkritik mereka.

"Anda sendiri tahu hobi buruk saya. Saya mengkritik rakyat saya sendiri, saya mengkritik Umno, orang Melayu, saya mengkritik orang Malaysia dan ada kalanya saya mengkritik diri saya sendiri. Ia adalah perkara yang anda perlu buat. Bila sesuatu itu salah adalah lebih baik untuk kita mengakuinya. Ada orang nampak baik bila di depan, tapi bersikap sebaliknya bila berada di belakang," katanya.

Umum mengetahui orang Yahudi amat berkuasa. Walaupun bilangan mereka adalah begitu kecil di Amerika Syarikat, orang Yahudi berjaya menguasai hampir kesemua bidang ekonomi, perbankan, perniagaan, sosial, pendidikan, politik dan pertahanan negara itu. Pengaruh orang Yahudi adalah menyeluruh.

Cara orang Amerika berfikir, fesyen pakaian mereka, perbincangan intelek mereka, hiburan yang mereka minati semuanya adalah dikawal dan dibentuk oleh orang Yahudi. Segolongan ekstremis kulit putih di Amerika Syarikat yang anti-Yahudi ibaratkan semua pentadbiran Amerika sejak Perang Dunia Kedua sebagai Zionist Occupation Government atau Kerajaan Jajahan Zionis.

Institusi Presiden Amerika Syarikat juga tidak terlepas daripada cengkaman orang Yahudi. Kuasa politik Amerika telah menjadi sasaran utama perancangan antarabangsa Yahudi. Mereka sungguh berjaya dalam hal ini kerana pada hari ini tanpa sokongan orang Yahudi tidak ada sesiapa pun daripada rakyat Amerika Syarikat boleh harap menduduki White House sebagai Presiden.

Walaupun George Bush berpangkalan di Texas, pengaruh Yahudi terhadap pentadbirannya boleh disukat daripada bilangan menteri dan penasihat Yahudi yang bertugas dalam kabinet George Bush. Mereka semua adalah penyokong kuat kepentingan Yahudi dan Israel.

Nescaya, isu Yahudi itu menenggelam isu lain pada sidang kemuncak OIC itu sendiri, sekurang-kurangnya pada kaca mata media barat.

Apa pun, sidang OIC kali ini boleh dianggap berjaya dengan beberapa cadangan konkrit dan pernyataan bersama dikeluarkan. Apa yang diharapkan ialah semua pihak melaksanakan apa yang sudah dipersetujui tanpa terlalu banyak retorik dan Malaysia selaku pengerusi OIC yang baru mahu melihat OIC lebih berorientasikan tindakan.

Dalam pernyataan yang dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak kali ini, OIC meminta masyarakat antarabangsa memaksa Israel menghapuskan tembok aparteid yang mencero bohi bumi Palestin.

OIC turut mengecam keras keganasan Israel dalam jenayah pembunuhan, penahanan, pemusnahan rumah-rumah, meruntuhkan infrastruktur dan tindakan sekatan terhadap rakyat Palestin serta mencabul kesucian tempat ibadat umat Islam.

Pemimpin OIC itu juga sepakat untuk melaksanakan pelan tindakan 12 perkara bagi mengembalikan perpaduan, kesepakatan dan maruah ummah ketika dunia Islam menghadapi cabaran amat hebat.

Pelan tindakan merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial itu terkandung dalam Deklarasi Putrajaya.

Mereka juga bersetuju menimbangankan cadangan mengenai Aturan Pembayaran Perdagangan Berasaskan Emas (GTPA) sebagai alternatif bagi urusan perdagangan di kalangan 57 negara anggota dalam usaha memantapkan pembangunan perdagangan dan ekonomi dunia Islam.

Langkah praktikal untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan juga akan diambil menerusi perkongsian pangkalan data dan mewujudkan hubungan dalam perkhidmatan kewangan, perkapalan dan penerbangan di kalangan negara anggota.

Selain itu, mereka bersetuju semakan menyeluruh Sekretariat Am OIC bagi merombak struktur, metodologi, memperbaiki keperluan kewangan dan sumber manusia, dan memastikan dokumentasi yang lebih fokus, padat bagi menjadikannya lebih berkesan, disiapkan dan dipertimbangkan pada Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam (ICFM) akan datang.